

02/09/1997

Pasaran dijangka pulih minggu ini

Kadir Dikoh

BEBERAPA perkembangan positif baru termasuk laporan Bank Negara mengenai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sokongan belian oleh pelabur institusi tempatan, dijangka membantu memulihkan pasaran minggu ini.

Malah, penganalisis percaya amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada bank tempatan bahawa kerajaan akan menarik balik lesen mereka jika mereka meminjamkan skrip saham kepada spekulator, dijangka mampu mengekang manipulasi.

Berdasarkan hakikat itu, penganalisis yakin petunjuk utama pasaran iaitu Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kemungkinan besar mencecah ke paras di antara 800 dan 900 mata dalam minggu ini.

Pada akhir urusan niaga Jumaat lalu, Indeks Komposit ditutup pada 804.40 mata, menurun hanya sebanyak 7.78 mata selepas pelabur institusi tempatan membeli secara cergas dalam pasaran.

Sokongan belian tempatan yang berselang-seli membantu meningkatkan Indeks Komposit daripada paras paling rendah 777.96 pada sesi pagi dan 779.93 pada sesi tengah hari.

Penganalisis percaya, ringgit turut kembali mengukuh tetapi pada tahap agak perlahan minggu ini dan mungkin kekal stabil pada tahap sekitar 2.80. Pada akhir urusan niaga Jumaat lalu, mata wang tempatan itu ditutup pada 2.8949/95 berbanding dolar Amerika daripada penutup Khamis pada 2.8850/00. Unit tempatan meningkat hampir 160 mata apabila dibandingkan dengan paras pembukaan 2.9480/30.

"Saya yakin Indeks Komposit akan berada sekitar lebih 800 mata jika tidak melebihi 900 mata pada minggu ini berikutan perkembangan itu kerana ada tanda menunjukkan beberapa pelabur swasta utama selain pelabur institusi dijangka turut membantu secara cergas membeli pasaran minggu ini," katanya.

Katanya, pelabur institusi yang dijangka mendominasi pasaran minggu ini termasuk Pemodal Nasional Bhd (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

Sepanjang minggu lalu, Indeks Komposit di BSKL jatuh pada purata 20.12 mata setiap hari. Isnin lalu, ia jatuh 21.04 mata kepada 883.96 mata, 27.96 mata kepada 856 mata (Selasa), 8.08 mata kepada 847.92 (Rabu), 35.74 mata kepada 812.18 mata (Khamis) dan 7.78 mata kepada 804.40 mata (Jumaat).

Selepas meminta pelabur institusi tempatan menyokong pasaran Khamis lalu, Dr Mahathir ketika berada di Pasir Puteh, Kelantan sehari kemudian mahukan institusi tempatan meneruskan sokongan agresif mereka sehingga Indeks Komposit kembali ke paras 1,000 mata.

Penganalisis berkata, kenyataan itu dijangka mengerakkan lagi pasaran selepas Perdana Menteri menetapkan sasaran 1,000 mata yang dijangka membuat pelabur institusi lebih agresif dan ia dijangka dapat dicapai dalam tempoh terdekat.

Katanya, satu lagi faktor yang boleh membantu menyokong pasaran minggu ini ialah kemungkinan bank tidak akan membuat panggilan margin sementara terhadap peminjam yang saham mereka mengalami kejatuhan nilai.

Setakat ini, pihak berkuasa terbabit belum membuat sebarang pengumuman rasmi mengenai perkara ini yang sudah tersebar luas di pasaran hujung minggu lalu.

Malah katanya, keupayaan negara mempertahankan pertumbuhan KDNK pada

kadar tahunan 8.4 peratus bagi suku tahunan kedua tahun ini, memberi gambaran keadaan ekonomi yang masih kukuh.

Beliau berkata, perangkaan pertumbuhan ekonomi itu tetap kelihatan menarik dan selari dengan unjuran kerajaan bagi mencapai kadar pertumbuhan di antara 7.8 hingga 8.2 peratus bagi tahun ini.

(END)